

Selamat Menyambut
Hari Deepawali



Ucapan Deepawali

Perutusan Deepawali

DALAM dunia yang diselubungi oleh kegelapan manusia memerlukan cahaya. Namun, cahaya akan sentiasa bergelut dengan kegelapan kerana kedua-duanya tidak boleh wujud dalam satu tempat dan satu masa.

Kegelapan datang dalam kehidupan manusia dalam pelbagai jelmaan : penindasan, rasuah, salah guna kuasa, perang, sengketa dan kemusnahan alam semulajadi. Maka perjuangan manusia untuk melawan penindasan, rasuah dan pelbagai kerosakan dan kebejatan adalah laksana peperangan antara cahaya dengan kegelapan.

Perjuangan antara cahaya dengan kegelapan ini berlaku di mana-mana dan setiap masa. Di Malaysia sendiri perjuangan ini terus berlaku. Kita menyaksikan gejala kegelapan ini dalam keruntuhan pemerintahan undang-undang (rule of law) dan tata kelola (governance); rasuah yang bermaharajalela dan suara rakyat yang dibungkam.

Kebangkitan rakyat untuk mengembalikan pemerintahan undang-undang, melaksanakan tata kelola, membanteras rasuah dan menyegarkan hak bersuara adalah seperti membawa cahaya yang akan menghilangkan kegelapan.

Perjuangan ini getir tetapi kita perlu yakin dengan kejayaan seperti kepastian terbitnya matahari yang akan menghalau kegelapan malam. Perayaan Deepawali di mana lampu-lampu di susun dalam barisan merupakan simbol kegembiraan manusia apabila cahaya mengatasi kegelapan.

Iniya Deepawali Valthukkal.

MOHAMED AZMIN ALI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR



Datuk Seri Anwar Ibrahim
Ketua Umum KEADILAN

Makna dan perayaan Deepawali pada tahun ini membawa pengertian yang besar buat rakyat Malaysia ketika ini. Tahun ini saya tidak dapat bersama anda untuk meraikan pesta cahaya. Tetapi yakinlah bahawa ingatan, harapan dan doa saya sentiasa bersama anda serta seluruh rakyat. Deepawali Naal Valtugal



Hannah Yeoh
Speaker Dewan Negeri Selangor

Pesta Cahaya merupakan pengakuan harapan, komitmen yang diperbaharui kepada rakan, toleransi agama dan menyebarkan keamanan dan keharmonian untuk semua. Saya memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri akan terus meneliti dan melihat pembangunan dan membasmi kemiskinan masyarakat semua kaum. Selamat Menyambut Smart Deepawali!!



Nik Nazmi Nik Ahmad
Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Teknologi dan Inovasi

Kita seharusnya berdiri teguh sebagai satu masyarakat berbilang kaum, untuk sentiasa mengusahakan perubahan ke arah yang lebih baik dan memperoleh kejayaan bersama. Semoga kita memperoleh iktibar daripada semangat yang dibawa oleh perayaan ini, dan "cahaya" pada tahun ini akan membawa satu sinar lembaran baru kepada kita semua."

Selamat Menyambut Deepawali! Nikmati rempah kari dan selamat meluangkan masa bersama keluarga tersayang.

V Ganabatirou
Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang



Maka Deepawali pada konsepnya adalah mengajak masyarakat supaya bangkit menentang penindasan.

Mengambil semangat ini bersempena Deepawali, saya menyeru masyarakat India di seluruh negara untuk bersama-sama dengan KEADILAN, untuk memperbetulkan negara dari pelbagai kemelut yang membelenggu.

Bagi pihak Parti KEADILAN, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Deepawali. Deepawali Naal Valtugal!

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail
Presiden KEADILAN



Datuk Iskandar Samad
Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar

Diharapkan masyarakat Hindu berada di dalam suasana sejahtera dan harmoni disamping yang tersayang dan rakan-rakan pada perayaan Deepawali ini. Semarakkan semangat muhibbah di antara kita.

Selamat menyambut Hari Deepawali!

Saya dan kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat DUN Seri Andalas serta pihak keluarga mengucapkan Selamat Menyambut Deepawali kepada masyarakat beragama Hindu.

Raikanlah bersama keluarga tersayang dan sahabat handai. Teruskan amalan kunjung-mengunjungi demi kesepaduan lebih baik dan membina komuniti saling memahami serta menghormati antara satu sama lain.

Kepada mereka yang akan pulang ke kampung halaman, pandulah secara berhemah. Semoga selamat sampai dan selamat pulang kembali.

Dr Xavier Jayakumar
Adun Seri Andalas



Rakyat nikmati durian runtuh

CUKAI TAKSIRAN DIKECUALIKAN

Kerajaan Negeri terus memacu pembangunan positif untuk rakyat Selangor apabila Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengumumkan pengecualian cukai taksiran bagi tahun 2016.

Pengecualian itu bakal dinikmati pemilik rumah kos rendah, rumah kampung, kampung baru dan kampung nelayan yang dilihat semakin terbeban dengan keadaan ekonomi negara yang tidak menentu terutama selepas pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), sejak 1 April lalu.

Berita lanjut muka surat 2



Gambar oleh Remy Ariffin

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali turun padang meraikan masyarakat India yang sedang membeli-belah bagi persiapan akhir menyambut perayaan Deepavali di Jalan Tengku Kelana, Klang, pada 8 November lalu

MB: Belanjawan 2016 rentasi semua kaum

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Belanjawan Selangor 2016 menggambarkan belanjawan itu untuk semua tanpa mengira kaum, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, belanjawan RM2.44 bilion itu adalah tertinggi antara negeri lain, sekali gus membuktikan Selangor mempunyai kedudukan kewangan kukuh.

"Kekayaan ini bukan untuk satu atau

Kekayaan ini bukan untuk satu atau dua orang tetapi untuk semua rakyat tanpa mengira kaum. Kalau adil, bersih dan tidak merompak, maka kita percaya negeri akan makmur dengan kepelbagaian bangsa serta kaum

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

dua orang tetapi untuk semua rakyat tanpa mengira kaum. Kalau adil, bersih dan tidak merompak, maka kita percaya negeri akan makmur dengan kepelbagaian bangsa serta kaum.

"Dalam perjuangan, kita perlu sabar dan tabah. Walaupun Putrajaya gelap tetapi Selangor terang di bawah kepimpinan yang ada," katanya di sambutan rumah terbuka Deepavali peringkat negeri, di sini, pada 9 November lalu.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri juga memastikan pembinaan

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Tamil Ladang Coalfields di Kuala Selangor disiapkan segera.

"Kita mahu anak kaum India juga diberikan peluang adil dan baik daripada segi prasarana dan pendidikan. Kita percaya pendidikan baik boleh memajukan negeri," katanya.

Sebanyak RM4 juta diperuntukkan bagi pembinaan sekolah berasrama itu yang menempatkan kira-kira 500 pelajar dan dibiayai melalui Tabung Amanah Anak Pekerja Ladang Coalfields.

Lesen peniaga dikecualikan

SHAH ALAM - Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menyambut baik langkah Kerajaan Negeri menurunkan fi lesen kepada peniaga kecil bermula 2016.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata penurunan itu amat dialu-alukan dalam keadaan kos sara hidup yang semakin tinggi di bandar.

"Apabila fi turun, maka lebih ramai rakyat dapat berniaga sebagai pendapatan utama atau sampingan. Ia adalah usaha baik untuk menggalakkan lebih ramai usahawan memulakan perniagaan," katanya kepada Selangor Kini, pada 10 November lalu.

Pada masa sama, Yusof berkata, Kerajaan Negeri disaran menyediakan lebih banyak kawasan untuk perniagaan bagi mengatasi masalah ketiadaan tapak.

Terdahulu, Kerajaan Negeri menjangka 33 kategori fi lesen akan diturunkan bagi membantu golongan peniaga berhadapan kelembapan ekonomi.



Pengecualian cukai taksiran

220,247 terima manfaat

Pengecualian cukai taksiran itu bakal dinikmati 220,247 pemilik rumah kos rendah dan rumah kampung, pemilik rumah kos rendah, rumah kampung, kampung baru dan kampung nelayan yang dilihat bakal terbeban dengan keadaan ekonomi negara yang tidak menentu.

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali terus memberikan harapan positif kepada rakyat Selangor apabila membuat keputusan mengecualikan cukai taksiran bagi tahun 2016.

Hal itu diumumkan beliau ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2016 di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 30 Oktober lalu.

Pengecualian cukai taksiran itu bakal dinikmati 220,247 pemilik rumah kos rendah dan rumah kampung, pemilik rumah kos rendah, rumah kampung, kampung baru dan kampung nelayan yang dilihat bakal terbeban dengan keadaan ekonomi negara yang tidak menentu.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga positif 33 fi lesen akan diturunkan dalam usaha mem-

bantu peniaga berhadapan dengan kelembapan ekonomi menjelang 2016.

Exco Kerajaan Tempatan, Ean Yong Hian Wah, berkata Kerajaan Negeri turut mengecualikan fi lesen kepada peniaga kecil bagi meringankan segala kos dan beban ekoran suasana ekonomi tidak menentu.

"Hasil semakan awal, 33 kategori fi lesen dijangka akan diturunkan memandangkan ekonomi semakin merosot. Kerajaan Negeri komited membantu golongan ini terutama peniaga kecil dengan mengecualikan fi lesen penjaja kecil tahun hadapan," katanya.

Hian Wah berkata demikian ketika menjawab soalan Shahrum Mohd Sharif (BN-Dengkil) pada hari keenam Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor di Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 6 November lalu.

Penghormatan untuk B40

PETALING JAYA - Langkah Kerajaan Negeri mengecualikan cukai taksiran bagi rumah kos rendah disambut dengan perasaan lega ekoran ia dapat meringankan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Ketua Pembantu Tadbir Sekolah Menengah Jinjang, Abdul Hamid Malik, 55, juga menganggap langkah yang diumumkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2016 sebagai satu penghormatan kepada golongan berpendapatan bulanan purata RM2,537 atau 40 peratus terbawah (B40) yang kebanyakannya mendiami rumah kos rendah.

"Biasanya suara penduduk rumah kos rendah ini tak berapa didengari berbanding penduduk perumahan orang kaya. Jadi, sebab itu saya anggap ini satu penghormatan Kerajaan Negeri kepada penduduk rumah kos rendah.

"Langkah ini juga bukti kemampuan dan juga memberi kekuatan kepada Kerajaan Negeri sendiri kerana negeri lain tak buat tetapi Selangor mendahuluinya," katanya kepada Selangor Kini di Damansara Damai, di sini, pada 10 November lalu.

Pemilik rumah kos rendah Apartment Idaman di Damansara Damai, Ahmad Desa, 78, pula berkata kelegaan itu lebih dirasai warga emas yang tidak lagi memiliki sumber pendapatan tetap seperti ini.

"Alhamdulillah, dapat meringankan beban saya. Bila dikecualikan cukai taklah teruk sangat nak tanggung beban bayar bermacam perkara terutama pemilik rumah kos rendah ini bukan orang kaya," katanya.

Kakitangan Awam, Azizan Suradi, 45, pula menganggapnya sebagai langkah tepat

ekoran mampu meringankan bebanan golongan paling terkesan dengan peningkatan kos sara hidup akibat pelbagai faktor termasuk langkah mengenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) oleh Kerajaan Persekutuan.

"Saya setuju dengan pengecualian cukai taksiran ini tetapi Kerajaan Negeri perlu berikan perincian adakah memabitkan semua rumah kos rendah atau hanya projek dimiliki anak syarikat Kerajaan Negeri seperti PKNS sahaja.

"Seperti di Damansara Damai ini, ada banyak pangsapuri seperti Harmoni, Damansara Damai dan Lestari yang sebenarnya adalah rumah kos rendah," katanya.

Azizan juga berharap pengecualian cukai taksiran ini tidak akan menyebabkan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti kutipan sampah dan kerja pembersihan dihentikan.



Abdul Hamid Malik



Azizan Suradi



"Alhamdulillah, dapat meringankan beban saya. Bila dikecualikan cukai taklah teruk sangat nak tanggung beban bayar bermacam perkara terutama pemilik rumah kos rendah ini bukan orang kaya"

AHMAD DESA
Pemilik rumah Kos Rendah

TINJAUAN ORANG RAMAI
33 KATEGORI FI LESEN DITURUNKAN



"Satu langkah yang baik bagi mengurangkan bebanan peniaga. Namun kita mengharapkan Kerajaan Negeri menyediakan lebih banyak kemudahan untuk menggalakkan perniagaan terutama kepada golongan belia"

Syukri Anwar, 24, Shah Alam



Diharapkan dengan pengurangan cukai ini, Kerajaan Negeri mampu membuka peluang lebih besar kepada golongan belia khususnya pasca mahasiswa menceburi bidang perniagaan"

Meor Safwan, 28, Petaling Jaya

Harga Rumah Selangorku kekal



OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Tidak berlaku kenaikan harga Rumah Selangorku walaupun kos pembinaan dijangka meningkat ekoran kejatuhan nilai ringgit.

Exco Perumahan Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata Kerajaan Negeri berhasrat mengadakan perbincangan dengan pemaju untuk mengkaji semula kos perumahan.

"Buat masa ini belum ada keputusan berkenaan Rumah Selangorku di pihak Kerajaan Negeri. Namun, kita sebolehnya tidak

menaikkan harga rumah kerana Kerajaan Negeri sudah menetapkan kadar sebelum ini," katanya di sini, pada 2 November lalu.

Iskandar berkata, kejatuhan ringgit memberi kesan kepada pemaju daripada segi harga bahan mentah dan bahan binaan import.

"Sekarang belum ada keputusan menaikkan harga rumah mampu milik. Kita adakan kajian kos kesan penurunan ringgit.

"Bagi perumahan, ada bahan mentah digunakan daripada tempatan seperti keluli. Paling ketara adalah peningkatan harga membabitkan kos membeli lif kerana semua diimport.

"Memang ada kesan kepada pemaju. Kerana itu Kerajaan Negeri akan adakan perbincangan dengan mereka," katanya.

Beliau turut menafikan dakwaan Ahli Parlimen Kuala Selangor kononnya negeri itu mengenakan pelbagai caj kepada pemaju menyebabkan mereka bermasalah membina rumah mampu milik.

Katanya, Kerajaan Negeri memberikan pelbagai faedah antaranya menetapkan penurunan 10 peratus bagi caj premium.

"Kita kesal dengan dakwaan itu kerana beliau harus mengkaji terlebih dahulu," katanya.

Kepelbagaian beri rakyat buat pilihan

SHAH ALAM - Rumah Selangorku yang mengkhususkan golongan berpendapatan rendah bukan bertujuan memansuhkan pembinaan rumah kos rendah.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata ia bagi mempelbagaikan pilihan rumah mampu milik kepada rakyat.

"Konsep Rumah Selangorku adalah mempelbagaikan rumah mampu milik daripada segi jualan dan luas binaan untuk memberi pilihan kepada golongan berpendapatan rendah serta menengah memiliki rumah.

"Tidak timbul isu rumah kos rendah akan dimansuhkan, sebaliknya hanya diberi penjenamaan baru kepada jenis kediaman berkeluasan 700 kaki persegi dengan harga minimum RM42,000," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Rodziah Ismail (KEADILAN-Batu Tiga) berkenaan Rumah Selangorku pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 6 November lalu.

Iskandar (PAS-Cempaka) berkata, Kerajaan Negeri menyediakan skim pembiayaan dan bantuan khas untuk membolehkan rakyat memiliki rumah.

Katanya, antara skim itu adalah DanaSel berkonsepkan sewa milik dan 'Selangor Smart Home Buyer' dengan pendahuluan deposit 10 peratus diberikan bagi membolehkan pembeli mendapat pinjaman bank.

"Skim lain adalah Kerajaan Negeri meletakkan cagaran kepada bank dan memberi pinjaman kepada pembeli sebelum ini tidak dapat membeli rumah," katanya.

Berkenaan sasaran pembinaan Rumah Selangorku untuk tempoh tiga tahun akan datang, Iskandar berkata, 29,176 unit sudah mendapat kelulusan pembinaan.

Pemilik bantuan kerajaan prihatin dipantau

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan membuat siasatan kepada individu yang memiliki Rumah Bantuan Kerajaan Prihatin bagi mengelakkan mereka yang layak tidak menyalahgunakan bantuan itu.

Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, V Ganabatirau, berkata siasatan dan pemantauan bukan terhad kepada satu pihak sahaja.

"Kitatidakmahumerekamnya-lahgunakan bantuan diberikan. "Kita sedia maklum ada dalam kalangan mereka bertindak menyewakannya kepada individu lain," katanya dalam Sidang Dewan Negeri (DNS) menjawab soalan tambahan Rosni Sohar (BN-Hulu Bernam), baru-baru ini.

Ganabatirau (DAP-Kota Alam Shah) berkata, pemantauan itu dilakukan pejabat daerah kawasan masing-masing.

Selain itu, menyentuh tindakan kontraktor yang enggan menyer-

tai pembinaan projek pembinaan rumah prihatin, Ganabatirau berkata Kerajaan Negeri bertindak membuka tender itu kepada kontraktor daerah lain.

"Kita mengambil maklum, Kerajaan Negeri menggunakan dasar tender secara 'Cut Off'. Lima kontraktor dipelawa menyertai tender itu mengikut syarat ditetapkan. Jika enggan, mereka disenarai hitam dan membuka tender kepada kontraktor lain," katanya.

Beliau berkata, langkah penambahbaikan juga dilakukan untuk menyelesaikan masalah permohonan kontraktor yang sebelum ini mengambil masa lama.

"Pejabat Tanah dan Daerah membuat siasatan dan segala proses mengambil masa lima bulan. Jadi, kita mahu mereka men-

nyiapkan proses itu dalam tempoh dua bulan untuk luluskan permohonan," katanya.

Wujud dasar bolehkan bekas pekerja ladang miliki kediaman

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri diharap mewujudkan dasar membantu bekas pekerja ladang tidak berkemampuan memiliki kediaman.

Lee Kee Hiong (DAP-Kuala Kubu Bahru), berkata saranan itu bersandarkan kepada nasib 84 bekas pekerja ladang di Kuala Kubu Bahru dan Permatang yang kehilangan tempat berteduh apabila pemilik ladang baru tidak membenarkan mereka terus menghuni rumah pekerja.

"Antara pekerja ladang itu dari Ladang Bukit Tagar, Ladang Minyak dan Ladang Sungai Tinggi. Bekas pekerja



Lee Kee Hiong

ladang amat risau kerana mereka tidak mempunyai rumah di luar ladang.

"Usia mereka melebihi 55 ta-

hun selepas bekerja di ladang berpuluh tahun," katanya dalam perbincangan Belanjawan Selangor 2016, baru-baru ini.

Belanjawan Selangor 2016 menggariskan RM1.5 juta untuk kebajikan pekerja dan bekas pekerja ladang bagi mencorak kehidupan masa hadapan mereka.

"RM1 juta daripada jumlah peruntukan itu digunakan untuk meneruskan Program bantuan Rumah Kerajaan Prihatin," kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2016, pada 30 Oktober lalu.



V Ganabatirau

Saham industri air

MB: Sedia kaji untuk rakyat

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri sedia mengkaji cadangan yang dikemukakan bekas Menteri Besarnya, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim untuk menerbitkan saham industri air kepada rakyat selepas proses pengambilalihan selesai.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata kajian rancangan itu akan dilaksanakan selepas proses pengambilalihan diselesaikan walaupun idea berkenaan

tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

"Idea ini dicetuskan mantan Menteri Besar sebelum ini tetapi tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat MMKN.

"Bagaimanapun, Syarikat Air Selangor sedia mengkaji cadangan menerbitkan saham industri air Selangor untuk rakyat negeri ini," katanya ketika mengu- lung perbahasan Rang Undang- Undang Perbekalan Belanjawan

Selangor 2016 di Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 4 November lalu.

Terdahulu, Abdul Khalid ketika menduduki jawatan Menteri Besar mengumumkan akan menerbitkan saham selepas Kerajaan Negeri mengambilalih perindustrian air Selangor.

Bagaimanapun, beliau meletak jawatan sebelum sempat proses pengambilalihan industri air diselesaikan, pada September 2014.



Status pekerja SYABAS dijamin kekal

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor memberi jaminan tiada pekerja ditamatkan perkhidmatan selepas operasi Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan Puncak Niaga Sdn Bhd diambilalih Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata semua Condition Precedent (CPs) sudah diselesaikan dan dipenuhi seperti diperuntukkan dalam perjanjian utama penstrukturan semula industri air.

"Kerajaan Negeri sudah memeterai perjanjian tambahan ke atas perjanjian utama pada

10 Julai lalu, sekali gus merung- kait kemelut industri dan diurus secara holistik.

"Tidak ada kakitangan SYABAS dan Puncak Niaga akan diberhentikan, itu jaminan Kerajaan Negeri," katanya bagi menjawab soalan lisan Yeo Bee Yin (DAP-Daman- sara Utama), di sini, pada 5 No- vember lalu.

Air Selangor secara rasmi sudah mengamb- ilalih peng- urusan operasi SYABAS dan Puncak Niaga Sdn Bhd, pada 15 Oktober lalu.

"Setakat ini, kolam perkhidma-

tan di taman perumahan berada dalam keadaan cukup selesa untuk memberikan perkhidmatan kepada pengguna," katanya.

Menyentuh isu pengambil- alihan konsesi Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (SPLASH), Mohamed Azmin berkata perkara itu masih belum dimuktama- dkan kerana pemegang saham utama menolak tawaran awal dikemukakan Kerajaan Negeri

Bagi mengatasi masalah itu, penilai bebas dilantik bagi me- nentukan nilai sebenar yang adil untuk dibayar kepada SPLASH.

"Dalam perjanjian utama turut dimaklumkan Kerajaan Persekutuan untuk memudahkan sedaya upaya Air Selangor mengamb- ilalih SPLASH yang berakhir, pada September 2016," katanya.

Bentang laporan tahunan kepada umum mulai 2015

KUALA LUMPUR - Mulai penghujung tahun ini, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) perlu mengemukakan laporan tahunan operasi mereka kepada umum untuk penilai- an pengguna.

Dato' Menteri Besar, Mo- hamed Azmin Ali, berkata jami- nan itu dibuat pengurusan baru SYABAS bagi memastikan aspek ketelusan dan kebertanggung- jawaban berlaku dalam operasi mereka.

"Mulai hujung tahun ini, kita akan membentangkan laporan

tahunan kepada umum. Ini ada- lah tindakan yang tidak pernah dibuat sebelum ini," katanya ke- pada media selepas mengada- kan lawatan kerja pertama ke Ibu Pejabat SYABAS, pada 9 No- vember lalu.

Katanya, pengurusan baru SYA- BAS sedang meneliti keadaan syarikat itu sebelum membuat perancangan terperinci.

"Ia bagi memastikan operasi air berjalan lancar terutama da- lam mengurangkan air tidak berhasil (NRW) yang kini berada pada kadar 34 peratus," katanya.

Pengurusan lama tiada tender terbuka

AMPANG - Pengurusan lama Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) didapati tidak menga- malkan tender terbuka bagi se- suatu projek atau perolehan baru sebaliknya menganugerah- kannya secara terus kepada pihak tertentu.

Dato' Menteri Besar, Mo- hamed Azmin Ali, berkata tinda- kan itu menyebabkan syarikat konsesi itu terpaksa menaikkan kadar tarif kepada pengguna bagi menampung kos operasi- nya yang meningkat tinggi.

"Maklumat daripada peng- urusan baru SYABAS amat mengejutkan kerana banyak proses perolehan dibuat sebe- lum ini tidak melalui tender terbuka seperti ganti paip dan meter.

"Semuanya diberi dalam ka-

langan orang tertentu, sekali gus menyebabkan kos memulih dan menambah baik sistem in- dustri meningkat yang akhirnya kembali kepada rakyat dengan kadar tarif begitu tinggi. Di- harap ia tidak lagi berulang," ka- tanya.

Beliau berkata demikian keti- ka merasmikan Majlis Penyerah- an Pembekalan Tong Sampah Percuma Kepada Pihak Berkua- sa Tempatan (PBT) Selangor di Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di sini, pada 9 November lalu..

Mohamed Azmin turut mela- hirkan keyakinan bahawa pe- ngurusan baru SYABAS dapat memulihkan 'kerosakan' organi- sasi yang berlaku dalam pe- ngurusan dengan memasukkan urus tadbir yang baik.

Dua loji baru tampung bekalan air

KUALA LUMPUR - Kerajaan Selangor memperuntukkan RM800 juta untuk membina dua loji rawatan air baru di Labohan Dagang, Kuala Langat dan Semenyih 2 bagi memasti- kan bekalan air mencukupi se- hingga 2019.

Dato' Menteri Besar, Mo- hamed Azmin Ali, berkata tinda- kan itu dibuat sebagai per- siapan kemungkinan kelewatan projek Langat 2 yang difaham- kan tertangguh sehingga 2019 yang seharusnya siap sepenuhnya, pada 2017.

"Dokumen tender sudah siap bagi Semenyih 2 yang dibuka awal Disember dan projek di- jangka bermula suku tahun pertama 2016.

"Untuk Labohan Dagang, kita jangkakan tender dibuka selewat-lewatnya Mac 2016 dan projek bermula pertengah- an tahun," katanya di sini, pada 9 November lalu.

Beliau berkata, projek itu menunjukkan komitmen Kera- jaan Negeri bagi menyediakan perkhidmatan air yang holistik serta lebih cekap kepada peng-

guna domestik dan industri se- lain berharap pembinaan dua loji rawatan air baru itu dapat menampung kekurangan air dalam tempoh 2017 dan 2019.

Dalam perkembangan sama, Mohamed Azmin memaklum- kan projek Mitigasi 2 dijangka siap Disember ini dan mampu menambah bekalan air sehing- ga 2017.



Industri berteknologi tinggi

Aeroangkasa dan automatif di Serendah

SHAH ALAM - Invest Selangor dilantik sebagai pemudah cara kepada pelabur bagi mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelaburan dan hab perdagangan global.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata

usaha itu mampu memacu pertumbuhan baru selain menyokong aktiviti perkilangan dan perkembangan sektor perkhidmatan.

Katanya, galakan pelaburan itu mempunyai kesan gandaan untuk membantu industri lain.

"Serendah berpotensi menjadi kawasan perindustrian khusus untuk industri aeroangkasa, automatif dan industri lain berteknologi tinggi. Usaha ini merencanakan lagi pembangunan di Hulu Selangor," katanya.

Katanya, UMW Corporation dengan kerjasama Rolls Royce bakal membangunkan kilang pengeluaran 'Fan Case' berteknologi tinggi berkeluasan 20 ekar di Serendah dengan nilai pelaburan RM830 juta.

Katanya, produk 'Fan Case'

adalah komponen enjin pesawat Boeing dan Airbus yang mampu menyediakan peluang pekerjaan 200 berkemahiran tinggi serta separuh mahir.

"Pengeluaran pertama produk ini dijangka Oktober 2017," katanya.



TAMAN PERINDUSTRIAN ALAM PERDANA

2 & 3 Tingkat Kilang Berkembar & Tanah Perindustrian

CIRI-CIRI KEUNIKAN

- Keluasan tanah: 70 'x 120'
- Terdapat lif (lif kapasiti untuk 20 penumpang) untuk 3 tingkat sahaja
- Pengatup elektrik
- Ketinggian siling 23 kaki untuk tingkat bawah
- Muatan reka bentuk lantai:
 - 10kN/m² di tingkat bawah
 - 5kN/m² di tingkat pertama
 - 5kN/m² di tingkat kedua
- Bekalan kuasa 3-fasa - 150Amp
- 12 jam perkhidmatan sekuriti (waktu malam) (percuma untuk 2 tahun pertama)
- Penuaian air hujan

Pemaju:



Projek Alam 2012 Sdn. Bhd.
(974077-T)

Alamat Pejabat:

**UG-67, Jalan PJS 9/1A,
Pusat Perniagaan
Lagoon Perdana, 46150,
Bandar Sunway, Selangor**

Sila berhubung untuk sebarang pertanyaan:

**012-3152346
012-6113700**

15% Diskaun

2 Tingkat Kilang Berkembar
Keluasan bangunan 6028 kp
Dari **RM 3,186,000.00**

3 Tingkat Kilang Berkembar
Keluasan bangunan 7785 kp
Dari **RM 3,726,000.00**

Peta Lokasi



KSSB catat keuntungan RM84.61 juta hasil pasir



SHAH ALAM - Sejumlah RM84.61 juta keuntungan bersih pengeluaran pasir dicatatkan melalui kontraktor lantikan, Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB).

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia didorong peningkatan jumlah produk pasir kepada lebih 44 juta tan metrik sejak KSSB beroperasi pada 2008.

Katanya, langkah proaktif turut diambil memastikan urusan tadbir korporat syarikat itu mampu menambah baik pengeluaran pasir.

"Kita sudah mengarahkan KSSB menambah baik penggunaan teknologi mengawal ketirisan dengan memasang kamera litar tertutup (CCTV) yang boleh diselia secara atas talian dari tapak operasi.

"Integrasi antara sistem jambatan timbang digunakan di tapak terus ke ibu pejabat KSSB turut diwujudkan bagi memastikan tiada ketirisan," katanya ketika sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 5 November lalu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Dr Xavier Jayakumar (KEADILAN-Seri Andalas) berkenaan produksi pasir dikeluarkan KSSB.

Mohamed Azmin (KEADILAN-Bukit Antarabangsa) berkata, prosedur operasi standard (SOP) ditambah baik dari masa ke masa dengan mengemas kini hala tuju syarikat itu untuk tempoh tiga tahun akan datang.

"KSSB sudah berjaya meningkatkan pemasaran agresif dan terbukti apabila berjaya menjual 'stock pile' pada 2014 untuk meningkatkan hasil dan pendapatan negeri," katanya.

Selangor catat FDI lebih RM11 bilion hingga Jun

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri meluluskan 359 projek perkilangan dengan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) RM11.261 bilion, sehingga Jun lalu.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS serta Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Kim, berkata Selangor mencatat-

kan bilangan kelulusan projek tertinggi berbanding negeri lain iaitu 130 projek sejak Januari hingga Jun lalu.

"Namun, Selangor menduduki tempat keempat dalam nilai pelaburan iaitu RM4.22 bilion selepas Johor, Melaka dan Pulau Pinang," katanya dalam jawapan lisan kepada Sulaiman Razak (BN-Permatang) dan Khaim Abdul

Aziz (PAS-Lembah Jaya), di sini, pada 5 November lalu.

Chang Khim (DAP-Sungai Pinang) berkata, Kerajaan Negeri hanya menyediakan agensi khusus seperti Invest Selangor untuk membantu pelabur tanpa menawarkan sebarang insentif berbentuk kewangan kepada pelabur asing juga tempatan.

Katanya, Selangor mempunyai

tiga asas kukuh menarik masuk pelaburan walaupun terkesan dengan persepsi masalah ketiadaan air.

"Kita mempunyai tiga lapangan terbang, pelabuhan kedua terbesar di Asia Tenggara selepas Singapura dengan kos yang jauh lebih murah dan kestabilan politik," katanya menjawab soalan tambahan Gan Pei Nei (KEADILAN-Rawang).

FDI China ke Selangor terus meningkat



SHAH ALAM - Pelaburan Langsung Asing (FDI) dari China ke Selangor dijangka terus meningkat pada masa akan datang, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, lawatan kerja ke China bakal dilakukan tahun hadapan untuk membawa lebih banyak FDI masuk ke negeri ini.

"Fokus kita sekarang mem-

bawa FDI daripada segi industri intensif modal berteknologi tinggi. Saya percaya duta mampu menyediakannya, sekali gus menguatkan kerjasama antara Selangor dan China," katanya selepas merasmikan Persidangan Usahawan Malaysia-China (MECC) kali kelima di Dewan Jubli Perak, di sini, pada 7 November lalu.

Ketika ini, China adalah negara luar kedua menyumbang FDI terbesar ke Selangor selepas Singapura.

Sementara itu, majlis terabit adalah anjuran Dewan Perniagaan Malaysia-China dengan Kerajaan Negeri dan Bank Of China (Malaysia) Berhad yang dihadiri Presiden Dewan Perniagaan

Malaysia-China, Datuk Bong Hon Liong; Ketua Pegawai Eksekutif Bank Of China (Malaysia) Berhad, Dr Yuan Bin dan Pengerusi MECC kelima, Tan Yew Sing.

Lebih 1,000 peserta mengambil bahagian dalam persidangan yang bertemakan 'Memajukan Larian Sutra Maritim Moden, Membina ASEAN Yang Harmoni' itu.

Invest Selangor Talent Initiative bantu pelabur dapat pekerja mahir

SHAH ALAM - Program Invest Selangor Talent Initiative yang dikendalikan Invest Selangor bakal membantu pelabur mendapatkan pekerja berkemahiran tinggi, kata Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana serta Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim.

"Melalui program ini, kita menjalankan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan. Kita mahu membantu pelabur mendapatkan



sumber tenaga kerja mengikut kemahiran diperlukan," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 3 November lalu.

Beliau menjawab soalan lisan Hasnul Baha-

ruddin (PAS-Morib) berhubung inisiatif disediakan Kerajaan Negeri dalam menyediakan pekerja berkemahiran tinggi kepada pelabur di Selangor.

Chang Khim berkata, program Jom Kerja turut dilaksanakan di Gombak, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

"Program ini pula membantu penduduk tempatan mendapatkan pekerjaan bersesuaian dengan kelayakan mereka," katanya

Damansara cipta peluang pekerjaan

SHAH ALAM - Pusat pertumbuhan baru di kawasan Damansara mampu menjana pertumbuhan ekonomi negeri seterusnya mencipta lebih banyak peluang pekerjaan.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pembangunan bandar baru oleh Kwasa Land Sdn Bhd itu bakal menentang konsep pembangunan bercampur di tapak seluas 2,303 ekar.

Katanya, ia mampu menyediakan lebih 10,000 unit rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

"Projek ini dibangunkan dalam tempoh 30 tahun dan menyumbang dalam bentuk premium tanah dengan anggaran iaitu RM1.02 bilion," katanya.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri juga terus komited untuk melaksanakan Regenerasi Bandar (Urban Renewal).

"Pembangunan semula bandar boleh mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan kualiti hidup, kemudahan, infrastruktur, pengurusan aset dan menjana pendapatan untuk negeri serta pihak berkuasa tempatan.

“Projek ini dibangunkan dalam tempoh 30 tahun dan menyumbang dalam bentuk premium tanah dengan anggaran iaitu RM1.02 bilion

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

"Transformasi kawasan perindustrian lama kepada pembangunan bercampur seperti Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13, Petaling Jaya berdasarkan konsep "Live, Work, Learn, Play" akan meningkatkan hasil," katanya.

Beliau berkata, regenerasi bandar turut mendapat suntikan daripada pelaksanaan konsep pembangunan Transit Oriented Development (TOD).

"Pembangunan di sekitar kawasan stesyen MRT, LRT, BRT dan Komuter membentuk masyarakat lebih mampan, connected dan vibrant," katanya.

Karnival Kampungku Kesayanganku

DAERAH HULU LANGAT

13 & 14 NOVEMBER 2015

MASJID AR-RAHMAN, KG. SG. LUI, HULU LANGAT

**JOM
MERIAHKAN!!!**

14 NOVEMBER 2015 (SABTU)

6.15 pagi	Ruang Solat Masjid	Solat Subuh Berjemaah & KULIAH SUBUH
7.00 pagi	Sekitar Kampung & Rumah Penduduk Kampung Surau	KAYUHAN KAMPUNGKU KESAYANGANKU bersama Y.B. EXCO & ZIARAH MASYARAKAT
9.00 pagi	Dewan Masjid	PENENTUAN ARAH KIBLAT RAMAH MESRA Y.B. EXCO bersama Guru Besar, Ketua Guru (SRA), Guru Besar (SAR), Muadit Maahad Tahfiz
9.00 pagi	Pentas Utama	KOLOKUIUM bersama Rektor KUIS SEMBANG SANTAI -bersama YAA Dr. Mohd Na'im (Ketua Hakim Syarie Selangor) -bersama Dato' Chef Li (Pendaia Bala Jutanon Serpong)
10.00 pagi	Ruang Solat Masjid	MAJLIS AKAD NIKAH "KAHWIN PERDANA"
12.30 t/hari	Perkarangan Masjid	KENDURI RAKYAT
1.00 petang	Ruang Solat Masjid	Solat Zohor Berjemaah
2.00 petang	Belakang Masjid	Tukar Minyak Hitam Motorikal PERCUMA
	Kelas SRA	Potong Rambut Lelaki PERCUMA
	Kelas SRA	Rawatan Muka & Dandan Rambut Perempuan PERCUMA
	Ruang Logar Masjid	Pertandingan GUBAHAN SIREH JUNJUNG, MASAKAN & KUHI TRADISIONAL
	Perkarangan Masjid Padang	MOTORSIKAL KLASIK
	Perkarangan Masjid	Aktiviti SUKANERA
	Perkarangan Masjid	SUPPA DUPPA
5.00 petang	Perkarangan Masjid	Demonstrasi MEMANAH TRADISIONAL
7.00 petang	Ruang Solat Masjid	Solat Maghrib Berjemaah
8.30 malam	Pentas Utama	MAJLIS TAHNIK PERDANA
9.00 malam	Pentas Utama	MAJLIS PERASMIAN & PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KAMPUNG TRADISI PERINGKAT HULU LANGAT & BANTUAN RUMAH ZAKAT FORUM PERDANA 3K
		Moderator - Ust Mohd Faryzan B. Sublihi
		Panel - Ustazah Anni Abu Mansor, Ust Ghuzali Omar, Muadit Persembahan - PAWANA Nasyid

13 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)

9.00 pagi	Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat	LAWATAN YB EXCO ke Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat
12.00 t/hari	Ruang Solat Masjid	Taukiyah & Khutbah Jumaat
3.00 petang	Perkarangan Masjid	PAMERAN & JUALAN
3.00 petang	Dewan Orang Ramai	RAMAH MESRA YB EXCO bersama Ketua Kampung & Nazir Masjid/Imam
3.00 petang	Ruang Logar Masjid	Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak
3.00 petang	Bilik Darjah SRA	Pertandingan Seni Khat
5.00 petang	Pentas Utama	Penyampaian Hadiah
7.00 petang	Ruang Solat Masjid	Solat Maghrib Berjemaah & KULIAH MAGHRIB
9.00 malam	Pentas Utama	SEMBANG SANTAI 3K Moderator - Ust. Halim Hafida Panel - Ust. Mohd. Hidayat, Syamsul Kamal (Gitaris), Pemasrulan Khas - Diana Amir (Selebriti)
11.00 malam	Perkarangan Masjid	MENEROKA ANGKASA bersama Jabatan Mufti

Anjuran : Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi



JAKEL yakin beri kesan positif

World Muslim Fashion City rancakkan ekonomi Selangor



Pada 30 Oktober lalu, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2016 mengumumkan rancangan untuk membangunkan Shah Alam sebagai 'World Muslim Fashion City'. Persoalannya, adakah rancangan itu realistik, boleh dijayakan dan bagaimana boleh memberi kesan positif terhadap ekonomi Selangor.



Bagi menjawab persoalan ini, Wartawan Selangor Kini, **NAZLI IBRAHIM** menemubual **PENGARAH JAKEL TRADING SDN BHD (JAKEL), MOHAMED IZANI MOHAMED JAKEL** ekoran pengalaman luas syarikat itu dalam perniagaan tekstil termasuk bertanggungjawab menaikkan nama Segamat sebagai 'Bandar Tekstil' yang terkenal di seluruh Malaysia. Jakel turut mempunyai antara cawangan terbesarnya yang dirasmikan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, di Seksyen 7, Shah Alam.

Bagaimana saudara melihat perkembangan industri tekstil pada masa kini di Malaysia amnya dan Selangor khususnya?

Saya lihat industri tekstil berkembang dengan pesat dan banyak wujud peluang apabila usahawan muda menceburkan diri dalam perniagaan atas talian dan mereka juga melangkah ke industri fizikal. Selangor mempunyai jumlah penduduk tertinggi di Malaysia dan mempunyai ramai pengusaha yang ingin mengembangkan sayapnya di negeri ini terutama di Shah Alam seperti yang dapat dilihat di Seksyen 7 apabila

pelbagai jenis perniagaan fesyen beroperasi ibarat cendawan tumbuh.

Apa pendapat saudara berkenaan perkembangan industri fesyen Islam sejak kebelakangan ini khususnya di Selangor sendiri?

Nampaknya, industri fesyen muslimah kini makin mendapat permintaan tinggi dengan wujudnya permintaan jubah lelaki dan perempuan seperti kurta. Fesyen muslimah juga jadi iku-

tan remaja dan pelanggan eksekutif dengan saingan harga yang ditawarkan menarik dan berpatutan. Saya rasa sambutan sangat luar biasa bila sesuatu produk baru dilancarkan.

Dato' Menteri Besar dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2016 mahu menjadikan Shah Alam sebagai World Muslim Fashion City atau Kota Dunia Fesyen Islam. Apa yang tergambar dalam fikiran saudara apabila Shah Alam dijadikan World

Projek ini lebih fokus menggalakkan pelanggan dan pelancong luar Selangor datang ke World Muslim Fashion City dan mungkin nanti ada kolaborasi antara 'designer' dan juga Tourism Selangor. Mungkin banyak program diwujudkan bagi menaikan World Muslim Fashion City ini.



Muslim Fashion City?

Sebelum itu, Jakel ingin mengucapkan jutaan penghargaan kepada Dato' Menteri Besar dan Exco Kerajaan Negeri kerana memberi peluang kepada Jakel serta usahawan lain untuk menaikkan imej usahawan bumiputera dalam industri tekstil dengan berkolaborasi dengan Kerajaan Selangor dalam menjadikan Seksyen 7, Shah Alam sebagai pusat fesyen muslimah terbesar di Malaysia.

Bila sebut World Muslim Fashion City, kita nampak satu gambaran yang lebih khusus untuk industri barangan memabatkan produk muslim dan muslimah seperti hijab, jubah dan kurta tetapi pengkhususan yang dilancar Dato' Menteri Besar itu menjurus kepada konsep induk projek yang pertama sekali di Malaysia. World Muslim Fashion City ini lebih ter-

perinci apabila semua pelanggan yang ingin mendapatkan produk boleh terus datang ke Shah Alam khususnya di Seksyen 7.

Projek ini lebih fokus menggalakkan pelanggan dan pelancong luar Selangor datang ke World Muslim Fashion City dan mungkin nanti ada kolaborasi antara 'designer' dan juga Tourism Selangor. Mungkin banyak program diwujudkan bagi menaikan World Muslim Fashion City ini.

Paris dan Milan memang terkenal sebagai syurga membeli-belah untuk penggemar fesyen seluruh dunia. Di Malaysia pula, bandar kecil seperti Segamat dan Tangkak juga terkenal sebagai bandar tekstil atau syurga membeli-belah untuk peminat tekstil.

Pada pandangan saudara, bagaimana rancangan ini

boleh meletakkan Shah Alam dalam peta industri fesyen Islam di mata rakyat tempatan dan masyarakat dunia?

Kalau dilihat sambutan yang menggalakkan, secara tidak langsung akan membuatkan orang ramai akan terfikir apa kelebihan atau yang menarik pelanggan datang ke Seksyen 7, bahkan secara tidak langsung akan membawa lebih ramai golongan yang ingin membeli-belah datang ke kawasan ini.

Pada saya, ia bukan suatu yang pelik kerana kita sudah berjaya menaikkan nama Segamat suatu masa dahulu. Segamat sebenarnya tidak mempunyai tarikan utama pelancongan kepada orang luar tetapi apabila Jakel mempromosikan perniagaannya di sana dengan dirancakkan lagi dengan pertambahan usahawan tekstil lain yang ikut serta,

ia menjadi tempat persinggahan orang luar hingga pada hari cuti juga kita dapat lihat banyak bas rombongan datang untuk membeli-belah.

Jika Segamat sebuah bandar kecil boleh terkenal dengan industri tekstilnya, mengapa tidak Shah Alam iaitu sebuah bandar raya yang mempunyai pelbagai tarikan dan kemudahan. Dengan perancangan yang betul juga sokongan Kerajaan Negeri, saya pasti boleh berjaya sama ada di peringkat dalam negeri serta antarabangsa.

Jadi, kita dapat lihat jika ada program yang boleh membawa pelanggan luar datang ke Shah Alam, maka mereka boleh dapatkan lebih banyak jenama dan koleksi dengan harga berpatutan. Insya Allah, kita rasa ini satu peluang untuk usahawan termasuk Jakel untuk bersama merancakkan ekonomi Selangor.

Maksud saudara, rancangan ini juga perlu disokong dengan industri lain seperti perhotelan?

Betul, saya lihat projek ini dengan skop lebih meluas. Maknanya, bila pelancong datang mereka perlukan penginapan, restoran atau tempat untuk mereka singgah. Pada saya, benda ini berkait. Jika semua yang datang dari luar kena tempah hotel, maka secara tidak langsung ia akan menaikkan industri perhotelan dan perniagaan makanan.

Akhir sekali, mungkin ada sesuatu yang ingin saudara perkatakan berkenaan World Muslim Fashion City?

Mengangkat Shah Alam sebagai World Muslim Fashion City adalah satu langkah tepat dan jelas kerana yang sedia ada ini juga kita dah nampak ramai usahawan atau peniaga terbabit secara aktif. Kita nampak perkara ini boleh berjaya dilaksanakan dengan usahawan usahawan tempatan dan Kerajaan Negeri.

Ketika kawasan ini baru dibuka, ramai yang belum beroperasi tetapi Jakel menjadi perintis perniagaan tekstil di sini. Selepas itu, kita berjaya menarik ramai usahawan tekstil lain datang membuka perniagaan mereka di sini.

Alhamdulillah perniagaan berkembang. Sambutan meningkat hari demi hari dengan ramai usahawan baru. Perniagaan di sini semakin rancak. Saya yakin dengan menjadikan Shah Alam sebagai World Muslim Fashion City, maka ia berupaya membangunkan ekonomi di Shah Alam lebih rancak lagi.



Bagaimana rancangan menjadikan Shah Alam sebagai World Muslim Fashion City boleh memberi impak ekonomi kepada warga Selangor dan Shah Alam khususnya?

Pada saya, jika diangkat projek ini dan dipercepatkan tentu ramai usahawan datang melabur, bahkan peluang pekerjaan akan lebih luas dan industri pelancongan di sini seperti Laman Seni 7 boleh diberi tempat untuk jurufoto menaikkan nama kawasan ini dengan sesi fotografi juga permodelan. Benda ini subjektif kerana industri asas lain seperti hotel, restoren, fotografi dan nilai hartanah juga akan meningkat secara tidak langsung.



▲ Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali bersama pelajar Kolej Impens melaksanakan pendawaian semula rumah salah seorang penduduk di DUN itu



▲ Adun Batu Caves, Amirudin Shari merasmikan Karnival Jom Hijrah di Kampung Melayu Sri Kundang bersama Pegawai Tadbir Agama Gombak dan Penyelaras DUN Kuang



▲ Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh bersama penduduk USJ 9 dalam penubuhan Rukun Tetangga kawasan itu



▶ Adun Melawati, Jakiran Jacomah merasmikan penubuhan Jawatankuasa Penduduk Taman Kuala Selangor Utama Fasa 5



▲ Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menunjukkan bakat ketika merasmikan Program Kerabu Challenge sempena Karnival Pemadam Hulu Langat



▲ Adun Sekinchan, Ng Suee Lim menyantuni generasi muda dalam Program Minum Petang bersama anak muda DUN itu dan sumbangan bola futsal



▲ Adun Sabak, Sallehen Mukhyi meraikan warga India dalam Program Jom Shopping Deepavali 2015 di Pasaraya Billion Sungai Besar dengan lebih 300 kupon diagihkan



▶ Adun Meru, Dr Abd Rani Osman meraikan kanak-kanak dalam Sambutan Hari Tadika dan Graduasi Cilik Perdana



Adun Seri Serdang, Noor Hanim Ismail merasmikan program kayuhan amal Al-Ikhwan di Dataran Puchong Perdana



▲ Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong turun padang bersama pasukan pencari dan penyelamat dalam operasi mencari Guru Besar Jashiah yang hilang di Buloh Telor, Kuala Kubu Bharu

22 kompaun pembakaran terbuka hingga Oktober

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri sedia menyalurkan peruntukan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah bagi menangani kebakaran hutan yang menjadi penyebab masalah jerebu di Selangor.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata peruntukan itu melalui urusetia Unit Pengurusan Bencana, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berdasar keperluan sesuatu kes membatalkan Selangor.

"Bagi kes kebakaran, Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah akan digerakkan untuk mengambil tindakan bersepadu bagi memadam kebakaran itu mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan dan jerebu.

"Bagi tempoh Januari hingga Oktober lalu, 22 kompaun dikeluarkan dan 16 kertas siasatan disediakan untuk diambil tindakan mahkamah," katanya menjawab pertanyaan Dr Halimah Ali (PAS-Selat Klang) di Sidang De-

wan Negeri Selangor (DNS), pada 3 November lalu.

Antaranya, kebakaran berskala besar berlaku di Hutan Simpan Raja Musa membatalkan kawasan seluas 180 hektar dan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (40 ekar), baru-baru ini.

Elizabeth (KEADILAN-Bukit Lanjan) berkata, Kerajaan Negeri juga membuat perolehan set peralatan pemadam kebakaran di kawasan tanah gambut yang dikenali sebagai 'Peat Fire-X' (PFX) dengan anggaran kos RM1.2 juta.

PFX dilengkapi serbuk pemadam, pam, hos, dua buah tangki pembancuh 500 dan 100 gelen diyakini mampu membantu mengawal serta memadamkan kebakaran hutan.

"Kerajaan Negeri juga mengambil tindakan jangka panjang antaranya meningkatkan paras air tanah dan saliran sedia ada, pembinaan infrastruktur seperti check dam, tube well, kolam takungan, menara tinjau serta saluran paip di kawasan Hutan Paya Gambut," katanya.



Gambar hiasan

700 rondaan kekang pencerobohan hutan

SHAH ALAM - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) melaksanakan beberapa langkah proaktif dan agresif bagi mengekang pencerobohan rizab hutan simpanan kekal.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong (KEADILAN-Bukit Lanjan), berkata hampir 700 rondaan dilakukan JPNS dan Pejabat Hutan Daerah sehingga Ogos lalu.

Katanya, 25 tangkapan dilakukan dan semuanya memihak kepada JPNS di peringkat penghakiman mahkamah dalam tempoh sama.

"Malah, terdapat juga kes pesalah menerima hukuman penjara. Kita turut melakukan pemantauan udara, pemantauan

melalui imej satelit dan program kesedaran," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 2 November lalu.

Beliau menjawab soalan lisan daripada Ng Suee Lim (DAP-Sekinchin) berhubung usaha pemeliharaan hutan oleh Kerajaan Negeri.

Elizabeth berkata, program 'Moratorium 25 Tahun Pembalakan' menghalang sebarang aktiviti pengusahahasilan hutan di dalam hutan simpanan kekal selama 25 tahun bermula 2010 hingga 2035.

"JPNS juga sediakan pelbagai dokumen berhubung perancangan dan pengurusan hutan selaras standard nasional dan antarabangsa," katanya.

Cemar Sungai Semenyih

Lesen perniagaan kilang dibatal

OLEH **HAFIZAN TAIB**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bertindak tegas terhadap sebuah kilang yang mengakibatkan pencemaran Sungai Semenyih dengan membatalkan lesen perniagaannya, pada 14 April lalu.

Siasatan penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor mendapati kilang di Lembangan Sungai Langat di kawasan Perindustrian Sungai Purun mencemarkan kualiti airnya dan menyebabkan henti tugas operasi loji rawatan air seterusnya gangguan bekalan air kepada pengguna.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata tindakan diambil kerana kilang terbabit menimbulkan masalah kepada operasi loji dan pengguna.

"Tindakan menahan lengkapan kilang dibuat bagi menghentikan operasinya dalam tempoh dua minggu seterusnya Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) membatalkan lesen perniagaannya, pada 14 April lalu," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 4 November lalu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan lisan Datuk Johan Abdul Aziz (BN-Semenyih) berhubung perkara berkenaan.

Siasatan penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor mendapati kilang di Lembangan Sungai Langat di kawasan Perindustrian Sungai Purun mencemarkan kualiti airnya dan menyebabkan henti tugas operasi loji rawatan air seterusnya

nya gangguan bekalan air kepada pengguna.

Elizabeth berkata, pencemaran kualiti air Sungai Semenyih juga berpunca daripada aktiviti lain seperti pembuangan sampah sarap, aktiviti kerja tanah, pelepasan kumbahan, aktiviti perniagaan dan komersial, bengkel, restoran pasar basah, perlombongan pasir dan penternakan.

"Fokus diberi kepada melindungi sumber bekalan air dan Loji Rawatan Air yang sering menerima kesan akibat pencemaran pelbagai sumber seperti industri, tapak pelupusan sampah, dan kerja tanah pelepasan kumbahan," katanya.

Selain itu, Elizabeth berkata usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air dipantau serta dikuatkuasakan melalui jawatankuasa ditubuhkan seperti Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, Pasukan Petugas Lembangan Sungai serta Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

Pelan induk pertanian menyeluruh tingkat hasil petani

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri sedang merangka pelan induk pertanian secara menyeluruh bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negeri.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata pelan terbabit bakal dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam tempoh terdekat.

"Pelan induk pertanian itu dirangka rapi bagi meningkatkan hasil pertanian supaya dapat dinikmati dalam negeri dan tidak terlalu bergantung kepada hasil luar," katanya menjawab soalan tambahan Dr Idris Ahmad (KEADILAN-Ijok).

Zaidy (PAS-Taman Templer) berkata, hasil pertanian melalui projek Fruit Valley yang dilaksanakan di Kuala Selangor dapat

dinikmati bermula hujung tahun ini hingga pertengahan tahun depan.

Katanya, hasil tani seperti jambu batu, belimbing, kelapa pandan, tembikai dan pulasan berjaya ditingkatkan selepas Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mengambil langkah memulihara kawasan itu.

"Antaranya memulihara kesuburan tanah, penggunaan baja perosak, mengemaskini sistem saliran, menaik taraf jalan pertanian, mengadakan program latihan dan mengadakan tanamanrempah ratus," katanya.



Rumah The Gap giat pelancongan Hulu Selangor

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Kerja naik taraf Rumah The Gap membabitkan kos melebihi RM7 juta sedang giat dijalankan bagi membangunkan produk pelancongan di

Hulu Selangor.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata perbincangan lanjut berhubung perkara itu akan dilakukan bersama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Katanya, Tourism Selangor bersama Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dalam proses melengkap-



Elizabeth Wong

kan dokumen permohonan peruntukan dan akan mengemukakan kepada kementerian.

"Pada 2 Oktober lalu, dua pihak terbabit dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Selangor mengadakan pertemuan rasmi bersama kementerian,

"Pembentangan turut dibuat terhadap permohonan peruntukan pembangunan produk pelancongan di daerah itu," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 4 November lalu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan lisan Lee Kee Hiong (DAP-Kuala Kubu Bharu) berhubung perkara berkenaan.

Elizabeth (KEADILAN-Bukit Lanjan) berkata, MDHS juga akan mengemukakan permohonan pewartaan rumah rehat terbabit sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan kepada Jabatan Warisan Negara.

"Namun, ia akan dibuat selepas selesai kerja konservasi dan pemuliharaan seperti disyaratkan jabatan berkenaan," katanya.



PADAT kaji kesenian tradisi negeri

KLANG - Kerajaan Negeri dalam proses mengenalpasti pelbagai kesenian tradisi yang terdapat di Selangor untuk diangkat sebagai imej rasmi.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata usaha dijalankan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) itu membabitkan beberapa kajian

bagi mendapatkan rumusan.

"Saya sudah mengadakan mesyuarat dengan PADAT bagi mengenalpasti beberapa kesenian tradisi untuk diketengahkan menjadi imej Selangor.

"Contohnya tarian, lagu atau apa sahaja dirasakan boleh jadi imej kesenian Selangor," katanya di sini, baru-baru ini

Beliau berkata, jawatankuasa pembangunankebudayaannege-

ri juga menggerakkan pelbagai program bagi membantu usaha terbabit.

"Sebagai negeri termaju, Selangor mempunyai kepelbagaian kebudayaan dan kesenian ekoran menjadi tumpuan penduduk luar. Menjadi tanggungjawab bersama bagi mengenalpasti seni asal untuk diketengahkan sebagai kesenian tradisi Selangor," katanya.

Projek Peta Kebudayaan Mah Meri dan Temuan

SHAH ALAM - Projek Peta Kebudayaan bukan sahaja mampu merencanakan lagi sektor pelancongan, bahkan hasil projek itu berupaya menjadi Pustaka Budaya untuk tatapan ramai.

Pengasas Pusat Budaya Pusaka (PUSAKA), Eddin Khoo, berkata projek itu membabitkan kajian ilmiah terhadap gaya kehidupan kaum Mah Meri dan Temuan sebelum didokumen dan disebar kepada umum.

"Ia bakal dibuku, difilem dan diterbitkan. Kajian ini disimpan dalam arkib untuk kegunaan ramai.

"Hasil kajian ini juga boleh

disebar di seluruh dunia. Kita bekerjasama dengan beberapa pihak termasuk muzium terkenal di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun," katanya kepada Selangor Kini.

Katanya, walaupun Malaysia kaya dengan khazanah budaya tetapi tidak ada kajian dijalankan dengan tertib.

"Budaya itu penting dalam pandangan dunia berkenaan sesuatu masyarakat dan kita harus ambilnya secara serius. Bila khazanah seperti itu dikaji dan diangkat, ia menarik orang luar (pengkaji) turut sama mengkaji serta menyertai projek seperti itu," katanya.



Eddin Khoo

Terdahulu, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengumumkan RM1 juta bagi memartabatkan warisan kebudayaan masyarakat Orang Asal Selangor dalam Projek Peta Kebudayaan.

Projek itu dijalankan dengan kerjasama pusat kebudayaan, Pusaka dan muzium terkenal Smithsonian Institution di Amerika Syarikat.

Pantai Batu Laut perlu nafas baru

SHAH ALAM - Pantai Batu Laut diyakini mampu menarik lebih ramai pengunjung jika ia dilengkapi kemudahan prasarana.

Adun Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan, berkata pantai itu mempunyai potensi besar dalam merencanakan lagi sektor pelancongan ekoran lokasi strategik dengan arah angin dimilikinya sesuai untuk acara perahu layar.

"Kerajaan Negeri diharap dapat membangunkan semula potensi besar pantai ini dengan kemudahan seperti tandas, menara

tinjau dan pusat pengumpulan hasil pertanian.

"Begitu juga dengan kemudahan sokongan bagi menggalakkan aktiviti latihan perahu layar yang popular di sini," katanya kepada Selangor Kini, baru-baru ini.

Haslin juga percaya usaha mewajah semula gerai sedia ada dengan penyusunan yang lebih sistematik akan mewarnai lagi aktiviti pelancongan di situ selain merencanakan ekonomi penduduk setempat.



SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) merangkul dua anugerah dalam 'Green World Awards 2015' yang berlangsung di Novotel Cathedral Square, Christchurch, New Zealand, baru-baru ini.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata dua anugerah itu membolehkan Anugerah Emas bagi kategori 'Sustainability' dan Anugerah Perak dalam kategori 'Regional and National Government'.

Katanya, MPSJ juga bakal menerima satu lagi anugerah 'Green Apple Awards For Commerce and Industry' dengan tajuk 'Green Collaboration-Community Edible Greens' di Westminster Palace London, pada 16 November ini.

"Anugerah ini adalah susulan daripada Anugerah Green Apple Awards diterima MPSJ ta-

MPSJ terima dua anugerah antarabangsa

hun lalu bagi kategori 'The Environment Best Practise' bertajuk 'The Biomass Way' dan Anugerah World Green Ambassador 2015' diterima pada Mei lalu atas komitmen MPSJ dalam inisiatif dan pembangunan hijau.

"Penganugerahan ini menaikkan prestij MPSJ dan Kerajaan Selangor di persada antarabangsa," katanya.

Nor Hisham berkata, MPSJ sentiasa mengharapkan sokongan daripada semua pihak untuk terus maju dan melakar lebih banyak kejayaan.

“

Penganugerahan ini menaikkan prestij MPSJ dan Kerajaan Selangor di persada antarabangsa

NOR HISHAM AHMAD DAHLAN

Yang Dipertua MPSJ



11 premis makanan terima 16 kompaun

SHAH ALAM - Sebanyak 16 kompaun membolehkan pelbagai kesalahan perniagaan dikeluarkan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dalam operasi khas di sekitar Jalan Tengku Kelana, baru-baru ini.

Ketua Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz, berkata operasi itu dilakukan berdasarkan aduan awam yang peka terhadap isu berkenaan kebersihan pengusaha restoran dalam menjalankan perniagaan.

Katanya, 11 premis menjalankan perniagaan di restoran terbabit diperiksa Jabatan Kesihatan, Perkhidmatan Persekitaran, Penguatkuasa, Perlesenan dan Jabatan Bangunan.

"MPK juga mengeluarkan kompaun bagi kesalahan meletak halangan di laluan awam, membuang sisa makanan ke dalam longkang dan meletak sampah di luar tempat sampah," katanya dalam kenyataan.

Norfiza berkata, turut dikenakan kompaun bagi kesalahan tempat sampah dijadikan stor meletakkan peralatan perniagaan dan kegagalan perniagaan tidak memberikan imunisasi demam kepialu kepada pekerja mereka.

"MPK memandang serius isu kebersihan dan sentiasa komited menjalankan operasi penguatkuasaan kerana ia membolehkan kepentingan awam. Operasi seperti itu diteruskan dari masa ke masa bagi memastikan tiada pihak ingkar arahan ditetapkan," katanya.

Norfiza berkata, MPK juga mengalu-alukan sebarang aduan, cadangan dan pendapat daripada orang awam bagi mengatasi isu kebersihan terutama dalam kalangan pemilik premis.

MPAJ menang Anugerah Dato' Menteri Besar

PEMENANG ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG NEGERI SELANGOR 2015

Pengurusan Kewangan **MPAJ**

Pengurusan Organisasi **MPSJ**

Pengurusan ICT **MPK**

Pengurusan Sumber Manusia **MPAJ**

Pengurusan Rekod **Jabatan Kehakiman Syariah Negeri**

Perkhidmatan Teras **MBSA**

Pengurusan Projek Pembangunan **MPAJ**

Pengurusan Pelanggan **Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)**

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) merangkul Anugerah Dato' Menteri Besar Selangor melalui Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Negeri Selangor 2015.

MPAJ membawa pulang trofi, sijil dan wang tunai RM20,000 yang disampaikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khusrin Munawi di Majlis Apresiasi Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri yang berlangsung di Dewan Jubli Perak, baru-baru ini.

Manakala, bagi kategori Anugerah Setiausaha Kerajaan Negeri kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dimenangi Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Jabatan Kehakiman Syariah

bagi kategori agensi lain dengan masing-masing membawa pulang wang tunai RM15,000 serta trofi juga sijil penyertaan.

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) memenangi tempat kedua dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di tempat ketiga yang membawa pulang wang tunai RM10,000 dan RM5,000 bagi kategori PBT.

Bagi kategori Pejabat Tanah dan Daerah serta lain-lain agensi, tempat kedua dimenangi Pejabat Tanah Daerah Gombak dan tempat ketiga pula Jabatan Perbendaharaan Negeri.

Selain itu, Anugerah Khas Inovasi Hijau dirangkul MPSJ seterusnya membawa pulang wang tunai RM10,000 bagi usaha MPSJ melestarikan alam sekitar dan kejayaan di peringkat antarabangsa dengan merangkul tiga anugerah di luar negara termasuk di New Zealand dan London.

Anugerah Khas Innovation dan Quality Control Circle (IQCC) pula dirangkul Kumpulan Suk-sel dari Pejabat SUK negeri yang membawa pulang RM10,000.

Pejabat SUK sebelum ini mengharumkan nama mereka melalui Anugerah Emas di Korea Selatan, baru-baru ini.

Anugerah Khas Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam negeri dimenangi MBSA, manakala Khas My Innovation oleh Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) kerana menjadi PBT paling banyak mengemukakan pencalonan bagi dua tahun berturut-turut.



PBT digesa terus proaktif kekang wabak

Selangor bebas Rabies

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Tiada laporan diterima berhubung penyakit anjing gila (Rabies) di Selangor setakat bulan ini, kata Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah.

Hian Wah berkata, Kerajaan Negeri menyeru pihak berkuasa tempatan (PBT) berhampiran kawasan sempadan mengambil langkah berjaga-jaga.

Katanya, Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) perlu meningkatkan usaha menangkap anjing liar yang tidak diketahui statusnya.

"Kerajaan Negeri meminta semua PBT melakukan tangkapan anjing liar. Bagaimanapun, dua PBT (MDSB, MDHS) perlu memperhebatkan tindakan ekoran berhampiran kawasan

sempadan.

"Usaha tangkapan diteruskan di setiap PBT supaya tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk,"katanya menjawab soalan Ng Suee Lim (DAP-Sekinchan) di Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 4 November lalu.

Hian Wah (DAP-Seri Kembangan) berkata, kekerapan pengujian sampel anjing daripada PBT dipergiat iaitu sekali setahun kepada setiap bulan sehingga Disember ini.

"Sebelum ini, setiap daerah perlu menghantar satu sampel, namun kita tukar kepada satu sampel setiap PBT.

"Ia membabitkan kos RM32,000. Vaksinasi juga perlu diberikan kepada anjing peliharaan jika mahu dieksport ke luar negara atau dibawa ke kawasan penampungan wabak itu memandangkan Selangor bebas penyakit anjing gila,"katanya.

Beliau berkata, anjing ditangkap dikuarantin sebelum dituntut pemilik dan dilupuskan jika tidak dituntut.

Pusat hiburan terlibat judi berdepan tindakan tutup

SHAH ALAM - Pusat hiburan terbabit aktiviti perjudian berdepan tindakan ditutup, kata Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah.

Katanya, tindakan itu diambil ekoran terdapat pengusaha premis menyalahguna kelulusan diberikan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Pengeluaran lesen hiburan dibekukan Kerajaan Negeri sejak 2008 tetapi kita membenarkan pusat hiburan berkonsep keluarga dijalankan.

"Namun, masih terdapat pengusaha menyalahguna dengan menjadikan premis terbabit sebagai pusat perjudian,"katanya dalam sesi penggulungan di sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 4 November lalu.

Isu terbabit dibangkitkan Datuk Johan Abdul Aziz (BN-Semenyih) dan Shahrudin Mohd Sharif (BN-Dengkil).

Pada 8 Oktober lalu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengarahkan PBT menjalankan operasi membanteras aktiviti perjudian yang berselindung di sebalik pusat hiburan keluarga.

Hian Wah berkata, jumlah terkini pusat hiburan di Selangor adalah 766 dengan tertinggi di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) iaitu 195 diikuti Majlis Perbandaran Subang Jaya (143), Majlis Perbandaran Selangor (86), Majlis Perbandaran Klang (78) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (64).

Penjaja Food Truck perlu mohon lesen PBT

SHAH ALAM - Penjaja bergerak (Food Truck) yang menjalankan perniagaan di Selangor perlu memohon lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata mereka juga perlu mematuhi syarat seperti kesesuaian lokasi, tidak menyebabkan kacau ganggu dan tidak mengganggu aliran trafik.

"Pemantauan penguatkuasa PBT sentiasa dijalankan dari masa ke masa dan tindakan sista akan diambil ke atas barang perniagaan termasuk kompaun jika menjalankan perniagaan tanpa lesen atau tanpa kebenaran,"katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Dr Yaakob

Sapari (KEADILAN-Kota Anggerik) dan Ng Sze Han (DAP-Kinrara) berkenaan perniagaan Food Truck di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 5 November lalu.

Hian Wah (DAP-Seri Kembangan) berkata, Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan khas dalam menyusun semula gerai sedia ada di tengah bandar.

Katanya, PBT sudah menyusun semula penempatan gerai berpusat di lokasi bersesuaian supaya ia tidak menjejaskan pemandangan, kebersihan dan kesesakan dalam bandar.

"Memandangkan ini adalah bidang baru, rancangan mewujudkan garis panduan berkenaan penjaja bergerak akan dibuat supaya perniagaan itu dikawal dengan teratur,"katanya.



Gambar hiasan



™ Kami menawarkan Detergent² & Sabun
dengan harga yang berpatutan dari kilang. Kami mengutamakan Pengusaha Dobi, Restaurant, Pengguna di rumah. Pengedar dan Agen yang berminat, sila hubungi talian kami di:

H/P : 012-278 8629



Diedarkan Oleh:
MEGA JAYA INDUSTRIES SDN. BHD (1143933-T)
14, Lorong Bayu Tinggi 1C, Taman Bayu Tinggi,
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-3326 3933 Fax: +603-3326 3933
Email : megajaya3933@gmail.com

Tambahan elaun guru KAFA 1 Januari

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kenaikan elaun guru KAFA yang diumumkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dalam Belanjawan Selangor 2016 Selangor akan berkuatkuasa 1 Januari 2016.

Exco Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata kenaikan itu berdasarkan kepada tahun perkhidmatan guru berkenaan yang membabitkan tiga sumber.

Beliau turut menafikan Kerajaan Negeri tidak menghargai peruntukan RM30.4 juta yang diterima daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Hanya kira-kira 2,500 guru KAFA yang dibiayai Jakim dari 6,900 jumlah keseluruhan mereka. Selebihnya, sebahagian besar pembiayaan datang daripada

“Guru yang menerima elaun RM800 dibantu

Kerajaan Negeri dengan tambahan RM700 menjadikan jumlah keseluruhan RM1,500

DR AHMAD YUNUS
Exco Hal Ehwal Agama

Kerajaan Negeri dengan peruntukan RM59.6 juta.

"Guru yang menerima elaun RM800 akan dibantu Kerajaan Negeri dengan tambahan RM700 menjadikan jumlah keseluruhan RM1,500.

"Selebihnya, ditanggung 100 peratus Kerajaan Negeri dengan elaun RM1,500," katanya yang menjawab soalan dikemukakan Kamarol Zaki (BN-Sungai Air Tarar), pada 3 November lalu.



Kuasai bahasa Arab dan Inggeris

SHAH ALAM - Lepas Maahad Tahfiz Integrasi Selangor diharap mendapat jaminan penempatan di institut pengajian tinggi dan pelajar juga seharusnya didedahkan dengan dua bahasa pengantara penting iaitu bahasa Arab juga Inggeris, kata Sallehen Mukhyi (PAS-Sabak).



Katanya, lepasan maahad seperti di Indonesia tiada kelayakan khusus tetapi pelajar mempunyai keupayaan menguasai dua bahasa itu.

"Mungkin dua daripada tiga maahad yang mahu dibina boleh mempraktikkan kaedah ini.

"Dengan ini, kita bukan sahaja dapat melahirkan 'hafiz' tetapi turut berkeupayaan di peringkat tinggi," katanya ketika sesi perbahasan Belanjawan Selangor 2016 di Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 2 November lalu.

Katanya, Sabak juga boleh dibangunkan sebagai hub ilmu dan ilmuan yang baru termasuk membina cawangan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

"Dicadangkan untuk membina lebih banyak pusat pendidikan. Ini memudahkan anak muda di kawasan utara Selangor menyambung pelajaran di peringkat lebih tinggi," katanya.

Ekspo Inovasi Islam 2015

UNISEL menang dua pingat emas



SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) menang dua pingat emas dan satu gangsa dalam Ekspo Inovasi Islam 2015 yang berlangsung di Universiti Islam Sains Malaysia (USIM), pada Oktober lalu.

UNISEL mempamerkan tiga produk inovasi untuk dikomersialkan iaitu Airys-Air Electrolysis (pingat emas) oleh Mohd Fadzli Ahmad dan Hasnu Rizal Zakaria.

Produk kedua yang merang-

kul emas adalah Ozone Generator-Nonchem Alpha Aquaculture Water Treatment ciptaan Hasnu Rizal Zakaria, Mohd Fadzli Ahmad, Intan Faraha Abd Ghani dan Muzairihan Md Moid.

Manakala, produk ketiga iaitu Edukits- CELIK Al-Quran oleh Mohammed Nazir Mohd Khalid, Hasnu Rizal Zakaria, Mohd Fadzli Ahmad dan Syahrul Izwan Sawardi.

Difahamkan, 130 produk ino-



vasi dipertandingkan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi dan agensi.

Ia adalah ekspo kali ke-6 di-

anjurkan USIM dengan pemenang membawa pulang pingat emas dan wang tunai bernilai RM500 serta sijil, manakala pe-

nyampaian hadiah disampaikan Pro Canselor USIM, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibni Tuanku Muhriz.

Selangor Homemaker ruang sumbang khidmat bakti

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mewujudkan program Selangor Homemaker bagi membantu wanita berkerjaya di Selangor meneruskan sumbangan dan khidmat bakti kepada negeri.

Dalam sesi penggulungan di sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 4 November lalu, Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata program terbabit dicadangkan untuk dimulakan



Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) dan anak syarikat Kerajaan Negeri, tahun hadapan.

"Ia adalah program dirancang Kerajaan Negeri bagi kemudahan golongan wanita berkerjaya di Selangor yang memilih untuk bersama anak dan keluarga, di samping terus menabur sumbangan khidmat bakti kepada negeri.

"Menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri menyediakan program alternatif ini. Kita meletakkan keyakinan dan kepercayaan kepada golongan ini terutama bagi golongan belia juga ibu muda yang mampu menguruskan masa dengan baik serta berkualiti," katanya berhubung isu disentuh Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Kajang) dan Haniza Mohamed Talha (PKR-Taman Medan).

Sementara itu, beliau berkata, Kerajaan Negeri juga berharap program Pusat Didikan dan Terapi Smart Selangor (DIDIK Smart Selangor) akan menjadi perintis bagi membantu ibu bapa yang mempunyai anak autisme, Cerebral Palsy serta Down Syndrome di Selangor.

Daroyah berkata,

pihaknya akan menangani permintaan dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak dengan sindrom itu dengan kerjasama Pusat Pembelajaran Orang Kelainan Upaya (OKU) dan badan bukan kerajaan (NGO),



"DIDIK Smart Selangor dijayakan bagi memenuhi keperluan ibu bapa yang mahu menghantar anak autisme, Cerebral Palsy dan Down Syndrome ke kelas khas disediakan," katanya.

Selain itu, katanya, Kerajaan Negeri mengguna dasar pengambilan satu peratus dalam kalangan OKU seperti dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan bil 16 tahun 2010.

Beliau berkata, tiada masalah bagi pengambilan tenaga kerja dalam kalangan OKU jika memenuhi keperluan mengikut bidang tugas ditetapkan.

"Bagi pemohon OKU yang layak mengikut keperluan bidang tugas adalah tidak menjadi masalah bagi jabatan atau agensi Kerajaan Negeri untuk mengambil mereka. Kemudahan bagi OKU banyak disediakan Kerajaan Negeri seperti pihak berkuasa tempatan (PBT) menyediakan tempat letak kereta, sejak 2012.

"Pelekat khas kereta untuk golongan ini pula dikeluarkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)," katanya menjawab isu dibangkitkan Ng Suez Lim (DAP-Sekinchan).

Wanita dominasi skim mikro kredit HIJRAH

SHAH ALAM - Golongan wanita dikesan paling ramai mendominasi skim mikro kredit Hijrah untuk perniagaan sejak dilaksanakan Kerajaan Negeri.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Pembangunan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata 70 peratus daripadanya adalah wanita membabitkan 11,378 peserta berdaftar dengan 887 adalah dalam kalangan ibu tunggal.

"Sejak 2008 sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan wanita dan ibu tunggal dalam aspek pembangunan serta pembentukan dasar.

"Kebanyakan program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) juga mengutamakan kaum wanita terutama ibu tunggal mengikut kriteria ditetapkan," katanya ketika menjawab pertanyaan Saari Sungib (PAS-Hulu Kelang) berkenaan kebajikan wanita ibu tunggal pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 6 November lalu.

Mengulas bantuan Kerajaan Negeri kepada ibu tunggal, Daroyah (PKR-Sementa) berkata, golongan itu digalakkan menyertai program pemberdayaan wanita di setiap DUN.

Katanya, mereka turut diberi latihan kemahiran dan keusahawanan, program jati diri serta pembangunan sosial untuk memupuk keyakinan dan mampu menjana pendapatan.

"Ibu tunggal juga digalakkan menyertai Kursus Intensif Perkembangan Kanak-kanak (KIPK) yang memberi ilmu dan tunjuk ajar kepada peserta untuk membuka taska di rumah.

"Program lain seperti Mammosel, Bantuan Kesihatan Sihat Selangor dan sebagainya akan dinilai dari masa ke masa untuk melihat keberkesanan program berkenaan," katanya.

Sedia pelapis sambung wawasan

SHAH ALAM - Pusat Wanita Berdaya (PWB) wajar menyediakan pelapis supaya kesinambungan pencapaian dan wawasannya dapat diteruskan serta dilonjakkan.

Rodziah Ismail (KEADILAN-Batu Tiga), berkata pemilihan pelatih atau konsultan kursus yang ditawarkan terutama latihan berkala harus berkemampuan melahirkan wanita yang berdaya.

"Saranan saya supaya Kerajaan Negeri dan pejabat Exco memilih konsultan yang berwibawa. Ia adalah satu cara menyeragamkan tindakan dan pelaksanaan PWB seluruh Selangor. Pihak pengurusan adalah pasukan yang boleh memberi sebarang bantuan untuk menerangkan kandungan SOP terbabit.

"Oleh itu, belanjawan RM3 itu

perlu dinyatakan kepada Dewan Negeri dan penggunaannya juga harus selari serta selaras dengan objektif pemberdayaan wanita yang perlu diukur melalui setiap pencapaian program dilaksanakan," katanya dalam perbahasan Sidang Dewan Negeri Selangor, di sini, pada 3 November lalu.

Beliau berkata, penyelia PWB perlu menghidupkan hubungan dengan pemimpin dan Adun atau penyelaras yang dipilih serta institusi, jabatan juga agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan termasuk penduduk setempat.

"Konsep pemberdayaan untuk memberi daya sehingga wanita boleh berdikari ditahap optima daripada aspek penting harus benar-benar dihayati dan dibekal



kan kepada mereka, bukan hanya menurut atau memenuhi masa lapang yang ada.

"Seorang penyelia adalah menjadi nadi kepada perkembangan positif sesebuah PWB menurut apa yang dirancang bersama dalam konteks Pelan Tindakan Wanita Selangor, ia adalah satu mekanisme yang menjayakan 12 bidang fokus dengan 11 kelompok sasaran wanita," katanya.

Lantik lebih banyak pusat dialisis swasta

SHAH ALAM - Seramai 282 pesakit berjaya dibiayai Kerajaan Negeri melalui Panel Dialisis Sihat Selangor yang dilantik bagi tahun 2015, kata Exco Kesihatan, Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Dr Daroyah Alwi.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1 juta bagi membiayai kos rawatan dialisis melalui Program Bantuan Sihat Selangor yang dilaksanakan kepada pesakit yang layak dan memerlukan bantuan bagi membiayai rawatan dialisis.

"Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha untuk melantik lebih banyak pusat dialisis

swasta pada masa hadapan sebagai Panel Dialisis Sihat Selangor.

"Kita juga mensasarkan lantikan itu dilaksanakan di 20 pusat setiap tahun. Pemilihan itu dilakukan Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri dengan melawat operasi pusat itu dan diaudit sebelum terpilih.

"Mereka ini perlu mematuhi semua syarat yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya menjawab soalan Ng Sze Han (DAP-Kinrara) dalam Sidang Dewan Negeri Selangor, di sini, pada 3 November lalu.



Azlan Md Alifiah

Tujuh keluarga asnaf terima pangsapuri kos rendah

SHAH ALAM - Tujuh keluarga asnaf fakir dan miskin menerima bantuan pembiayaan rumah pangsapuri kos rendah daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bersama Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah, berkata bantuan itu disalurkan melalui wang zakat PKNS berjumlah RM287,000 bagi membantu golongan asnaf yang

terhimpit dengan kemiskinan.

"PKNS mengambil inisiatif membeli pangsapuri bernilai RM35,000 seunit kemudian diserahkan kepada asnaf supaya dapat hidup dalam kediaman lebih selesa. Saya berharap bantuan yang diberi dapat meringankan beban yang ditanggung, sekaligus memajukan diri dan keluar daripada kepompong kemiskinan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

ka Majlis Menandatangani Dokumen Pemilikan Hartanah lapan unit rumah pangsapuri kos rendah Pangsapuri Seri Perantau, Pelabuhan Klang, di Hotel De Palma, di sini, pada 3 November lalu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Hussin Mohd Ali, berkata PKNS adalah salah satu anak syarikat yang mengeluarkan zakat terbesar di Selangor berjumlah RM4.6 juta, tahun ini.

"Usaha dan inisiatif itu dapat meringankan sedikit tanggungjawab sosial yang ditanggung LZS di samping membantu golongan asnaf di Selangor.

Selain itu, hampir setiap tahun LZS akan membina lebih kurang 500 rumah kos rendah untuk membantu golongan fakir miskin dengan setiap kediaman akan diperuntukkan antara RM42,000 hingga RM50,000 seunit.



Tender adalah dipelawa dan **TERBUKA** kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan Serta sudah membuat pendaftaran GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TENDER DITUTUP
<p>Tajuk Projek</p> <p>CADANGAN MEREKABENTUK, MENGUBAHSUAI DAN MENYIAPKAN HOTEL SEDIAADA DI JALAN NELAYAN 19/15, SEKSYEN 19, 40718 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN DE PALMA MANAGEMENT SERVICES SDN BHD</p> <p>No. Kontrak DPMS/K/03/2015</p>	<p>CIDB: Gred G7 Kategori B Pengkhususan B04 Dan B07</p>	<p>Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM</p> <p>Pada : 20 November 2015 Hingga 03 Disember 2015</p>	<p>14 Januari 2016</p> <p>Jam 12.00 Tengahari</p>

- Mempunyai Keupayaan Kewangan dan Keupayaan Teknikal
 - Nilai 'Nett Worth' melebihi RM1.0 Juta atau Modal Pusingan melebihi RM750 Ribu
 - Nilai tahunan keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima (5) tahun lepas tidak kurang daripada RM30 Juta
 - Rekod prestasi kerja yang baik dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja
 - Pengalaman dalam projek yang meliputi kerja-kerja ubahsuaian hotel
- Satu Taklimat bagi tender ini akan diadakan pada **19 November 2015 jam 10.00 Pagi** bertempat di **HOTEL DE PALMA SHAH ALAM, JALAN NELAYAN 19/15, SEKSYEN 19, 40718 SHAH ALAM, SELANGOR.**(KEHADIRAN KE SESI TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN)
- Bayaran **Dokumen Tawaran** adalah **RM 1,000.00 (Termasuk 6% GST)** dan hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang** di atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (bayaran ini tidak akan dikembalikan).**
- Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **18 November 2015.**
- Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL SERTA SALINAN PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SERTA SURAT PENDAFTARAN GST DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA** dan satu salinan bagi setiap Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
- Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

**BAHAGIAN PEROLEHAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-55201234
<http://etender.pkns.gov.my>**

- Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.

RM2.7 juta bantu muafaf Orang Asal

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Sejumlah RM2.7 juta diperuntukkan melalui Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk golongan muafaf Orang Asal setakat ini merangkumi bantuan bina rumah (RM2.6 juta), modal perniagaan (RM48,400) dan pendidikan (RM104,200), kata Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong.

"Bantuan lain termasuk bantuan bulanan RM300 untuk yang berumur 18 tahun ke atas dan tambahan RM100 bagi setiap tanggungan ketua keluarga," katanya di Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 3 November lalu.

Elizabeth (KEADILAN-Bukit Lanjan) menjawab secara bersama soalan lisan daripada Datuk Amiruddin Setro (BN-Jeram) berhubung bantuan Kerajaan Negeri



Elizabeth Wong

kepada muafaf Orang Asal.

Katanya, 21 rumah turut menerima manfaat Program Amal Rumah Orang Asli yang dilaksanakan sejak 2014.

"Program ini dijalankan secara gotong-royong dan sukarela bersama penduduk, mahasiswa dan orang awam," katanya.

Percepat Maahad Tahfiz Istana Bandar Jugra

SHAH ALAM - Penantian bangunan baru Maahad Tahfiz Istana Bandar, Jugra diharap berakhir dalam masa terdekat ekoran projek berkenaan tertangguh sejak peruntukan RM20 juta diluluskan pada 2013, kata Hasnul Baharuddin (PAS-Morib).

"Sebelum ini, kita diberitahu ia mengalami masalah pengambil tanah, maka kerja lain tertangguh.

"Tetapi, status terbaru meny-

takan urusan itu sudah selesai, jadi kita harap ia tidak tertangguh lagi. Tapak baru terletak tidak jauh daripada bangunan lama yang menempatkan ratusan pelajar.

"Sehingga kini, tiada perkembangan terbaru dan pihak kontraktor bertanggungjawab juga masih belum dipilih," katanya ketika sesi perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan di Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 3 November lalu.

Stadium Hoki Pandamaran siap 60%

OLEH HAFIZAN TAIB

KLANG - Kerja menaik taraf Stadium Hoki Pandamaran sudah menghampiri 60 peratus dan dijangka siap sepenuhnya Februari 2016.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata usaha itu diambil bagi memastikan mutu kemudahan sukan di Selangor menepati piawaian dan kualiti ditetapkan.

"Kita mulakan di bahagian turf

dan tempat duduk supaya selepas ini stadium itu layak digunakan untuk kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dari masa ke masa, kita akan bantu tingkat kemudahan lain di sini," katanya di sini, pada 1 November lalu.

Amirudin berkata, kerja menaik taraf yang bermula Julai lalu itu dibuat secara berperingkat dan teliti supaya mencapai kualiti diperlukan bagi memenuhi kehendak semua.

Katanya, kerja menaik taraf juga



dilakukan di Stadium Hoki Petaling Jaya dan Shah Alam serta beberapa pusat latihan sukan lain.

"Semua sudah dilaksanakan

hanya tinggal proses implementasi. Bermula 2016, kita memperkemaskan lagi segala kerja dengan peruntukan sedia ada," katanya.

PBT bertanggungjawab perkasa sukan Selangor

SHAH ALAM - Pihak berkuasa tempatan (PBT) kini diberikan tanggungjawab menjalankan program sukan akar umbi di bawah pantauan Majlis Sukan Negeri (MSN).

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata dua pegawai daripada setiap PBT akan dilantik dan digaji MSN bagi memastikan program dirancang selari dan seimbang khususnya membabitkan Sukan

Malaysia (SUKMA).

"Antaranya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melaksanakan program olahraga, bowling dan sepak takraw, manakala Majlis Perbandaran Klang (MPK) pula squash serta sukan layar.

"Sukan ini dipilih PBT dan daerah masing-masing bergantung kepada kemudahan di wilayah mereka," katanya dalam sesi penggulungan Rang Undang-Undang Pembekalan, di Sidang Dewan Negeri Selangor,

di sini, pada 4 November lalu.

Amirudin (PKR-Batu Caves) berkata, Pusat Latihan Daerah diberi tanggungjawab dalam memastikan program sukan dilakukan secara berterusan.

"Kaedah lama, kita mengambil masa persediaan tujuh hingga lapan bulan untuk mulakan latihan dan kenal pasti pemain. Melalui kaedah baru, kita mengambil inisiatif untuk menasaskan semua jabatan pendidikan dan persatuan merujuk

PBT bagi memberi sokongan tambahan kepada program sukan di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, peruntukan bagi SUKMA tahun ini ditingkatkan ekoran kejohanan itu berlangsung di Sarawak.

"Sudah tentu, disebabkan tempat yang jauh jadi kos logistik akan bertambah. Kita sedang berdepan dengan kejohanan besar yang mempertandingkan 25 jenis sukan," katanya.

Baiki segera Stadium Mini Sabak Bernam

SHAH ALAM - Kemudahan dan penyelenggaraan Stadium Mini Sabak Bernam perlu diberi perhatian segera Kerajaan Negeri kerana tidak lagi selamat untuk kegunaan orang awam, kata Sallehen Mukhyi (PAS-Sabak).

Katanya, perhatian itu bagi mengelak keadaan menjadi lebih teruk kepada pengguna stadium berkenaan.

"Stadium ini separuhnya dipenuhi semak samun dan pastinya terdapat binatang berbisa. Di harap, Kerajaan Negeri buat revolusi supaya ia terjaga dan boleh dimanfaatkan orang awam," katanya ketika sesi perbahasan Belanjawan Selangor 2016 di Dewan Negeri Selangor (DNS), pada 2 November lalu.

Pada masa sama, beliau mengingatkan pentadbiran Kerajaan Negeri untuk menjalankan tanggungjawab melaksanakan Belanjawan Selangor 2016 secara berhemah.

"Jika amanah, maka pulangan mungkin lebih daripada RM2.88 bilion. Tetapi, jika tidak mungkin harga besar terpaksa dibayar rakyat," katanya.

SK Seksyen 20 juara Piala Raja Muda Selangor

SHAH ALAM - Sekolah Kebangsaan (SK) Seksyen 20 Shah Alam berjaya merangkul kejuaraan Piala Raja Muda Selangor kali kelapan selepas menewaskan SK Seksyen 24, 2-1 di padang SUK, Shah Alam, pada 5 November lalu.

Gol kemenangan dijaringkan Muhammad Faiz Amer Runnizar pada separuh masa pertama dan Muhammad Fareez Iqmal Nazarudin pada masa kedua.

Selaku juara, SK Seksyen

20 membawa pulang wang tunai RM4,000 termasuk piala pusingan, piala iringan, pingat dan sijil penyertaan, manakala naib juara menerima RM3,000 serta pingat juga sijil.

Jurulatih SK Seksyen 20, Noor Azman Hashim, berkata pencapaian itu membuahkan hasil selepas kali terakhir bergelar juara lima tahun lalu.

"Syabas dan tahniah kepada semua pemain kerana memberikan perlawanan

yang terbaik. Saya gembira dan berpuas hati di atas kemenangan tahun ini selepas kali terakhir kami menjuarainya pada 2010," katanya.

Majlis penyerahan hadiah disempurnakan Tengku Panglima Diraja Selangor, YAM Tengku Sulaiman Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Turut hadir menyaksikan perlawanan akhir Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Piala Raja Muda Selangor, Datuk Emran Kadir dan Pengerusi Perangsang Selangor, Raja Datuk Idris Raja Kamarudin.

Sementara itu, perlawanan penentuan bagi tempat ketiga dan keempat dimenangi SK Puchong Perdana menumpaskan SK Taman Alam Megah 2-0 dengan masing-masing membawa pulang pingat dan wang tunai RM2,000 dan RM1,000 serta sijil.



WAKTU SOLAT SELANGOR

13 - 20 NOVEMBER 2015
1 - 8 SAFAR 1437H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
13 Jumaat	5:30	5:40	6:59	1:00	4:22	6:58	8:10
14 Sabtu	5:30	5:40	7:00	1:00	4:22	6:58	8:10
15 Ahad	5:30	5:40	7:00	1:01	4:22	6:58	8:10
16 Isnin	5:30	5:40	7:00	1:01	4:22	6:58	8:11
17 Selasa	5:30	5:40	7:00	1:01	4:23	6:58	8:11
18 Rabu	5:30	5:40	7:01	1:01	4:23	6:58	8:11
19 Khamis	5:31	5:41	7:01	1:01	4:23	6:58	8:11
20 Jumaat	5:31	5:41	7:01	1:02	4:24	6:59	8:12

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
13 Jumaat	5:32	5:42	7:02	1:02	4:24	7:00	8:12
14 Sabtu	5:32	5:42	7:02	1:02	4:24	7:00	8:12
15 Ahad	5:32	5:42	7:02	1:03	4:24	7:00	8:12
16 Isnin	5:32	5:42	7:02	1:03	4:24	7:00	8:13
17 Selasa	5:32	5:42	7:02	1:03	4:25	7:00	8:13
18 Rabu	5:33	5:43	7:03	1:03	4:25	7:00	8:13
19 Khamis	5:33	5:43	7:03	1:03	4:25	7:00	8:13
20 Jumaat	5:33	5:43	7:03	1:04	4:26	7:01	8:14

Tekad cipta pemain bertaraf bintang

SHAH ALAM - Penstrukturan semula Akademi Bola Sepak PNSB diyakini mampu melahirkan pemain bola sepak berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi pada masa hadapan.

Adun Kota Anggerik, Dr Yaakob Saari mewakili Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata program terbabit diharap mampu merealisasikan hasrat melahirkan ramai atlet berbakat dan berkualiti dalam sukan itu.

Katanya, kejayaan akademi membentuk pasukan PNSB FC hingga menjuarai Liga Super FAS dua tahun berturut-turut adalah bukti keberkesanan program.

"Ia bukan sekadar riadah dan kecergasan, bahkan dapat melahirkan pemain bola sepak muda dinamik, berdisiplin serta cemerlang.

"Pelatih Akademi Bola Sepak PNSB yang diserap ke dalam pasukan PNSB FC berjaya menyumbang kejuaraan Liga Super FAS dua tahun berturut-turut," katanya dalam Majlis Pelancaran PNSB Young Stars dan Pertandingan Bola Sepak Jemputan PNSB 2015, di sini, baru-baru ini.

Penstrukturan semula Akademi Bola Sepak PNSB yang berusia hampir 10 tahun itu meliputi perubahan daripada segi struktur organisasi, sistem kejurulatihan, manual latihan dan pendekatan dalam melahirkan pemain bola sepak yang baik.

PNSB FC di bawah naungan Kelab Bola Sepak PNSB menjadi juara dua tahun berturut-turut pada 2014 dan 2015 di dalam Liga Super FAS dan sebahagian daripada pemainnya adalah bekas pelajar Akademi Bola Sepak PNSB.

"Ia jelas berjaya melahirkan pemain berkualiti dan berkemahiran serta menjadi medan terbaik mencungkil bakat pemain untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi," katanya.



Peserta menunjukkan aksi tersendiri dalam pertandingan Max Pull Up yang berlangsung di Kompleks Sukan Sukses, Seksyen 6 Shah Alam. Kejohanan itu adalah usaha berterusan Kerajaan Selangor menggalakkan generasi muda aktif bersukan serta mewujudkan gaya hidup sihat

Pembangunan sukan negeri

RM1.2 juta baik pulih Stadium Sungai Besar

OLEH **NORHAYATI UMOR**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.2 juta bagi kerja menaik taraf Stadium Sungai Besar mengikut kesesuaian dan keutamaan keperluan, kata Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari.

"Sabak Bernam antara daerah istimewa kerana mempunyai dua stadium iaitu Stadium Sungai Besar dan Stadium Mini Sabak Bernam.

"Kita memang ada perancangan menaik taraf kemudahan sukan di lokasi berkenaan dan ia dimulakan di Stadium Sungai Besar dengan peruntukan RM1.2 juta," katanya dalam sesi penggulangan Rang Undang-Undang Pembekalan, di Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini, pada 4 November lalu.

Sebelum ini, Sallehen Mukhyi (PAS-Sabak) mahu kemudahan dan penyelenggaraan Stadium Mini Sabak Bernam diberi perhatian segera ekoran keadaan stadium itu tidak lagi selamat untuk kegunaan orang awam.

Selain itu, Amirudin (PKR-Batu Caves) berkata, pihaknya mensasarkan 80 hingga 100 padang akan dinaik taraf dalam tempoh tiga tahun termasuk kemudahan sedia ada, sementara RM200,000 diperuntukkan untuk menaik taraf litar lumba rakyat di Kuala Selangor.

Katanya, ia adalah permulaan kepada atlet sukan bermotor berlumba, sekali gus mengurangkan kes lumba haram di Kuala Selangor walaupun litar lumba itu tidak mencapai standard.

"Tahun ini, kita memilih 30 projek untuk dinaik taraf membabitkan sta-

dium hoki di Pandamaran dan Petaling Jaya, kemudahan skate board dan sukan petanque.

"Selain itu, kita juga akan membina tempat sukan lawan pe-dang, memanah dan trek BWX pertama di Malaysia," katanya.

